


AIB

Simpanlah Selagi Boleh

PERIHAL kentut! Ada macam-macam cerita tentang kentut. Ada yang “datangnya” disedari dan berbunyi, lalu terbarailah gelak tawa. Akan tetapi, ada jenis yang “meyakinkan”. Senyap ... namun mampu meracau emosi!



Sekali imbas, manusia yang normal akan mengalami kentut antara 14 hingga 23 kali dalam sehari. Setiap kentut pula akan mengeluarkan 59 peratus nitrogen, 21 peratus hidrogen, sembilan peratus karbon dioksida, tujuh peratus metana dan empat peratus oksigen.

Apa-apa pun, berbalik kepada kisah kentut, hal ini juga pernah berlaku dalam kalangan para sahabat Rasulullah SAW. Hingga saat ini, tiada siapa-siapa yang tahu siapakah empunya kentut yang menimbulkan pelbagai reaksi sahabat yang lain. Pun begitu, kebijaksanaan Rasulullah SAW menutup aib sahabat yang terkentut telah menyelamatkan keadaan.

Hal ini dikisahkan dalam satu peristiwa ketika para sahabat berkumpul di masjid. Pada saat itu, mereka tercium bau kentut

yang amat tidak menyenangkan sehingga mendorong seorang sahabat berdiri lalu bertanya: “Barang siapa yang kentut, silakan bangun”. Namun begitu, tiada seorang pun yang bangun hinggalah tiba waktu Isyak. Dalam kalangan para sahabat, mereka masih ternanti-nanti untuk melihat dan saling menoleh ke belakang untuk mengetahui siapakah yang akan bangun untuk mengambil wuduk, sekali gus akan menjawab pertanyaan sahabat itu tadi. Pun begitu, tiada siapa-siapa yang bangun untuk mengambil wuduk.

Bilal lantas bangun untuk mengumandangkan azan. Namun begitu, hasratnya terhenti apabila Rasulullah SAW menjelaskan, baginda akan berwuduk sekalipun wuduknya masih tidak terbatal. Melihat akan perbuatan baginda SAW, maka para sahabat turut mengikutinya

sekali gus sahabat yang kentut dan malu untuk mengakuinya turut memperbaharui wuduknya. Maka terselamatlah dia daripada aib yang besar.

Kisah tersebut merupakan satu daripada peristiwa yang berlaku. Ada satu lagi peristiwa yang turut melibatkan seorang sahabat yang terkentut ketika sedang menikmati juadah daging unta yang disediakan oleh seorang sahabat yang mengundang Rasulullah SAW dan para sahabat yang lain ke Masjid Quba. Pada saat itu, kelihatan wajah baginda sedikit berubah kerana bau yang tidak enak. Akan tetapi, apabila sampai waktu Maghrib, Rasulullah SAW mengarahkan para sahabat yang telah makan daging unta memperbaharui wuduknya. Hal ini sekali lagi telah menyelamatkan dan menutup aib sahabat yang terkentut.

Itu baru cerita kentut yang mampu mendatangkan aib. Pada hakikatnya, jika kentut itu sendiri boleh mengaibkan dan perlu ditutup aib tersebut, apatah lagi apabila melibatkan perkara yang lebih besar seperti perzinaan, minum arak, atau apa-apa sahaja yang boleh menjerat air muka mahupun maruah diri seseorang.

Baru-baru ini, isu seorang juruhebah radio yang mentertawakan seorang guru yang mengajar dalam bahasa Inggeris telah mendapat kecaman pelbagai pihak. Sekalipun telah digantung tugas dan kemudiannya mengambil keputusan untuk berhenti kerja, namun perbuatannya sama sekali tidak wajar apabila menjerat air muka seorang guru yang telah berusaha mengajar demi kepentingan anak bangsa.

Ternyata, perbuatan mengaibkan guru tersebut sama sekali bertentangan dengan firman Allah SWT yang bermaksud: “Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah sesuatu puak (daripada kaum lelaki) mencemuh dan merendahkan puak lelaki yang lain, (kerana) harus puak yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah pula sesuatu puak daripada kaum perempuan mencemuh dan merendahkan puak perempuan yang lain, (kerana) harus puak

yang dicemuhkan itu lebih baik daripada mereka; dan janganlah sebahagian kamu menyatakan keaiban setengahnya yang lain; dan janganlah pula kamu panggil-memanggil antara satu dengan yang lain dengan gelaran yang buruk. (Larangan-larangan tersebut menyebabkan orang yang melakukannya menjadi fasik), maka amatlah buruknya sebutan fasik (kepada seseorang) sesudah dia beriman. Dan (ingatlah), sesiapa yang tidak bertaubat (daripada perbuatan fasiknya) maka merekalah orang-orang yang zalim". (Surah *al-Hujurat* 49:11).

Pada hakikatnya, ini bukanlah satu-satunya kisah aib yang dipaparkan melalui media sosial. Banyak lagi kisah aib yang ditulis dan didedahkan serta disebarluaskan seluas-luasnya. Untuk apa? Sudah tentu untuk memalukan orang yang diaibkan atau sememangnya untuk meraih populariti mudah apabila berjaya menyingkap kisah orang lain.

Lebih malang, kisah aib diri sendiri turut dipertaruhkan untuk dijadikan bahan cerita. Bangga? Sukar untuk difahami atas tujuan apa hal tersebut dilakukan.

Yang pasti, pada hari ini, soal malu sering sahaja ditolak ke tepi sekali gus membuatkan lebih ramai yang berkongsi perihal keaiban diri tanpa rasa bersalah. Walhal, sifat malu merupakan ukuran bagi menentukan tahap keimanan seseorang.

Daripada Salim, daripada bapanya, Rasulullah SAW melewati seorang lelaki yang sedang menasihati saudaranya dalam masalah malu, maka Rasulullah SAW bersabda: "Malu ialah sebahagian daripada iman." (Hadis sahih riwayat al-Tirmidzi, hadis no. 2540).

Bahkan dalam satu hadis yang lain menyebut tentang maksud malu sebagaimana yang diriwayatkan oleh Imran bin Hushain (pada saat itu) menceritakan kepada kami, dia berkata, Rasulullah SAW bersabda: "Malu itu adalah baik semuanya" atau dia berkata, "Malu itu semuanya adalah baik." Maka Busyair bin Ka'ab berkata: "Sungguh, dalam sebahagian kitab atau hikmah kami mendapati bahawa daripada

rasa malu itu akan muncul ketenangan dan kewibawaan kepada Allah, dan daripada malu itu ada kelemahan." (Hadis riwayat Muslim, hadis no. 54).

Apa-apa pun, perbuatan mendedahkan aib sememangnya bertentangan dengan arahan Rasulullah SAW agar setiap Muslim menyimpan serta menutup aib orang lain mahupun diri sendiri tanpa diketahui oleh orang lain.

Daripada Ibnu Umar dia berkata, Rasulullah SAW menaiki mimbar lalu menyeru dengan suara yang lantang: "Wahai sekalian orang yang telah Islam dengan lisannya namun keimanan belum tertancap di hatinya, janganlah kalian menyakiti kaum muslimin dan jangan pula kalian memperolok-olokkan mereka, jangan pula kalian menelusuri dan membongkarkan aib mereka, maka barangsiapa yang menyelidiki aib saudara seislam nescaya Allah akan menyelidiki aibnya dan barangsiapa yang aibnya diselidiki oleh Allah nescaya Allah akan membongkarkan aibnya meskipun di dalam rumahnya sendiri." (Hadis hasan riwayat al-Tirmidzi, hadis no. 1955).

Bahkan dalam Surah *al-Nur* ayat 19, Allah turut memberikan amaran kepada mereka yang suka membuka aib orang lain dengan berfirman, maksudnya: "Sesungguhnya orang yang suka menghebahkan tuduhan yang buruk dalam kalangan orang yang beriman, mereka akan memperoleh azab seksa yang tidak terperi sakitnya di dunia dan di akhirat; dan (ingatlah) Allah mengetahui (segala perkara) sedangkan kamu tidak mengetahui (yang demikian)". Pada hakikatnya, kepentingan menjaga aib lebih-lebih lagi aib diri sendiri merupakan satu kewajipan sekalipun terpaksa berbohong demi memastikan aib diri terpelihara. Imam Ghazali menyebut: "Boleh bagi seseorang demi menjaga nyawanya, hartanya daripada orang zalim, atau menjaga maruahnyanya, menggunakan lidahnya walaupun dengan cara berbohong". (Kitab *Ihya*, 3/138).

Hal ini mengingatkan kembali kepada kisah seorang ulama besar di Khurasan, Syaikh Abdurrahman Hatim bin Alwan

atau dikenali sebagai Hatim Al A'sham yang bersungguh-sungguh menjaga aib seorang perempuan yang terkentut apabila sedang berbicara dengannya. Sekalipun perempuan tersebut kelihatan agak malu namun ulama berkenaan berpura-pura menjadi pekak dan meminta wanita berkenaan mengulangi percakapannya. Maka, berlangsunglah sesi dialog dengan menggunakan suara yang kuat dan tinggi kerana sangkaan wanita tersebut, ulama berkenaan sememangnya pekak. Yang pasti, ulama tersebut terpaksa berpura-pura pekak sehingga 15 tahun lamanya, sehinggalah wanita itu meninggal dunia.

Apa-apa pun, berbalik soal menjaga aib diri mahupun orang lain, Rasulullah SAW bersabda: "Barang siapa membebaskan seorang mukmin daripada suatu kesulitan dunia, maka Allah akan membebaskannya daripada suatu kesulitan pada Hari Kiamat. Barang siapa memberikan kemudahan kepada orang yang berada dalam kesulitan, maka Allah akan memberikan kemudahan di dunia dan akhirat. Barang siapa menutup aib seorang muslim, maka Allah akan menutup aibnya di dunia dan akhirat. Allah akan selalu menolong hamba-Nya selama hamba tersebut menolong saudaranya sesama Muslim". (Hadis riwayat Muslim, hadis no. 4867).

Daripada Salim bin Abdullah, dia berkata; saya mendengar Abu Hurairah berkata; saya mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Setiap umatku dimaafkan (dosanya) kecuali orang menampak-nampakkannya, dan sesungguhnya antara menampak-nampakkan (dosa) ialah seorang hamba yang melakukan amalan pada waktu malam sementara Allah telah menutupi (aibnya) kemudian pada waktu pagi dia berkata: 'Wahai fulan, semalam aku telah melakukan ini dan itu', padahal pada malam harinya (dosanya) telah ditutupi oleh Rabbnya. Ia pun bermalam dalam keadaan (dosanya) telah ditutupi oleh Rabbnya dan pada pagi harinya ia menyingkap apa-apa yang telah ditutupi oleh Allah". (Hadis riwayat al-Bukhari, hadis no. 5608).